

BILA LAGI
Chedet.cc
14 November 2016
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Wahai pemimpin UMNO yang masih menjunjung kepimpinan Najib. Bila lagi akan kamu berhenti dari menyokong kleptokrat yang menjadi Perdana Menteri Malaysia. Kamu tahu ia telah memberi nama buruk kepada parti yang telah menyelamatkan negara ini dari dijadikan tanah milik British sebagai Malayan Union, parti yang memerdekakan Malaysia, parti yang membangunkan negara ini sehingga harum namanya di seluruh dunia.
2. Hari ini kerana kepimpinan kleptokratik oleh Najib, Malaysia terkenal sebagai negara yang disenarai sebagai satu dari 10 negara yang terkorap sekali di dunia.
3. Dunia pandang hina kepada negara ini kerana Najib didakwa melesapkan berbillion Ringgit duit negara, memasukkan Dua Ribu Enam Ratus million Ringgit ke dalam akaun peribadinya. Ia tidak dapat menjelas punca wang ini dan tidak dapat menafi dakwaan Department of Justice, Amerika Syarikat bahawa duit ini adalah duit 1MDB.
4. Najib tidak membuat saman malu terhadap tuduhan oleh Sarawak Report, Wall Street Journal dan Department of Justice, Amerika Syarikat. Ini bermakna dakwaan mereka bahawa Najib (Malaysian Official 1) curi duit 1MDB tetap benar.
5. Laporan yang dibuat oleh Bank Negara, Badan Pencegah Rasuah dan Pemeriksa Kira-Kira Wang Negara berkenaan tuduhan-tuduhan Najib melesapkan duit 1MDB tidak berani didedah kepada rakyat tetapi sebaliknya diletak dibawah Akta Rahsia Kerajaan. Perbuatan ini jelas menunjuk yang laporan-laporan ini mengandungi catatan berkenaan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh Najib. Kamu pemimpin UMNO semua tahu dan kamu semua sedar yang tuduhan dan dakwaan terhadap salahlaku Najib berasas dan benar.
6. Kamu semua tahu sebabnya Malaysia sekarang dikenali sebagai negara pengamal sistem kleptokratik, satu negara yang dipimpin oleh pencuri, penyangak dan perompak.
7. Kamu pemimpin UMNO sebagai menteri tetap tahu akan jenayah yang dilakukan oleh pemimpin kamu Najib Tun Razak, Perdana Menteri.
8. Husni Hanadzlah sudah letak jawatan. Bila lagi kamu akan meletak jawatan menteri untuk menyelamatkan UMNO dari menjadi alat mempertahankan Najib!! Bila lagi kamu akan mengheniti pengkhianatan terhadap UMNO, orang Melayu dan negara Malaysia dengan terus menyokong Najib sebagai Perdana Menteri.

52 thoughts on "BILA LAGI"


1.  [Log in to Reply](#) **Karl Iskandar** Nov 18, 2016 11:18 AM

Demonstrasi Jalanan BERSIH 5

Satu pengakuan terus-terang dari saya.

1. I shall take a portion of your servants to make a community of my own. This infested community I name it, "BERSIH"
2. I shall mislead them; I shall create in them false desires and fool them by giving them false suppositions.
3. Whoever leaves God and chooses me as a friend and guardian will definitely suffer a loss and disappointment.
4. I make them promises, stir in them false desires, and fools them; and my promises are only deception.

Kuala Lumpur
One911

2.  [Log in to Reply](#) **abulola** [Nov 17, 2016 2:41 PM](#)

Assalamualaikum wbt Tun yang disayangi dikasihi semoga Tun sentiasa dibawah lindungan Allah SWT.

Saya sokong Tun dalam usaha menjatuhkan pemimpin jahat. Tun buat semua semata-mata untuk rakyat Malaysia. Saya sangat terharu dengan pengorbanan Tun. Hanya Allah SWT saja mampu membalas budi baik Tun terhadap rakyat Malaysia hari ini.

Terus terang saya risau bila Tun bersama BERSIH 5. Saya faham, ianya penyatuan untuk menjatuhkan Pemimpin Jahat sekarang. Tapi boleh dak Tun bagitau semua yang Tun tak sokong apa yang ada dalam tuntutan bersih termasuklah tuntutan IFC dan swaktu dengannya KECUALI hendak jatuhkan orang jahat bernama Encik Najib sahaja. Ramai tak berapa jelas perkara ni, sangat ramai. Depa dok kata Tun sokong sama apa yang BERSIH nak tuntutan dari BERSIH 1. Sedangkan Tun cuma stuju dengan satu perkara saja dalam BERSIH 5 iaitu jatuhkan Encik Najib yang jahat. Insya'allah akan ada ramai lagi akan serta bila perkara ni jelas lagi.

Mintak maaf Tun saya tak pandai dalam berkata-kata, orang utara selalu macam ni, seketo-seketo terbit kadang ada bunga-bunga kadang tak ada. Saya sokong Tun.

Smoga Tun sekeluarga sihat sejahtera selalu, berbahgia selalu, dipermudahkan segala usaha Tun untuk dunia dan Akhirat dan Tun sekeluarga sentiasa dibawah lindungan Allah SWT.

Jasa mu dikenang sampai bila-bila
-Jalan Sultanah

3.  [Log in to Reply](#) **faridina** [Nov 16, 2016 10:06 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Kami tidak khawatir untuk berjuang demi kebaikan bersama ayahanda Tun tambahan pula keadaan sudah teramat memburukkan hingga jika kita tidak berusaha berhimpun dengan aman ramai2 Ahad ni maka ia akan menghuduhkan lagi.

Pak Dol satu hal bila penggantinya lagi buruk teruk dari dia – dia buat bodo je bukannya masa ni lah dia patut bergabung dengan Tun M jatuhkan Najis yang pernah jatuhkan dia dulu.

Pak Dol memang busuk hati kelislamannya ada had2 hari bersuhabat dengan penggantinya yang terbukti Bapa Kleptokrat seMalaya.

Sesungguhnya Allah tidak akan merubah nasib sesuatu umat jika mereka tidak berusaha merubahkan nasib mereka sendiri.

Kalau rasa tak mahu menyokong maka yang lain tu eloklah duduk diam2 berdoa banyak2 biarlah kita yang lain berusaha, berikhtiar dan akhir sekali bertawakal untuk anda2 jua

Wasalam Tun.



4. [Log in to Reply](#) **huda** [Nov 16,2016 4:14 PM](#)

Assalammualaikum Tun yang saya kasihi,

Tun,

Saya kuatir apa yang sedang tun perjuangkan akan lebih memburukkan keadaan.

Suatu ketika zaman pemerintahan Pak Lah perkara yang sama berlaku. Dikritik secara terbuka. Pak Lah mengalah dan letak jawatan. Adakah keadaan bertambah baik? Adakah tanah ini diganti dengan pemimpin lebih baik?



5. [Log in to Reply](#) **z2z** [Nov 16,2016 1:14 PM](#)

The Malay Dilemma revisited:

Despite more than 40 years since the 1969 riot and the implementation of NEP and NDP by UMNO controlled government, Malaysia failed to eradicate social and economic imbalances between the races.


Yes, the standard of living improved and many Malays received degrees from local universities. Many Malays have become small business owners. However it is the Malay elites that benefited mostly. These well-connected individuals benefited many folds and became truly wealthy. They can afford large bungalows and send all their children to study in universities overseas.

Meanwhile the Chinese and Indians are left to their own to make a living in a system staked against them, be it business opportunities and education. Still many managed to provide their children with a good education and quite a few succeed in business and professional career.

This tells us that while Tun's diagnosis of the ills and problems facing the Malays were accurate, the remedy was not. Instead of making the Malays become educated and competitive, NEP and NDP created a culture of dependency and rent-seeking. Yes, some countries have affirmative action policies that help minorities with aid, assistance and quota to level the playing field but these are targeted to minority vulnerably groups and for a limited period only. However in Malaysia, the NEP serve the interest of the majority and is perpetual. This created a culture of dependency and entitlement. Because of quotas, Malaysia created unemployable degree holders and un-competitive businesses that cannot compete in the open market.

So NEP rather than being a medicine has become a drug. When NEP expired, it was replaced with a more potent drug called the NDP. Surely UMNO leaders can see the long-damage these policies have on the Malays the leaders was no really fighting for their self-interest rather than the true interest of the Malays, especially when they have more leverage over the Malays with these policies in place ("Only UMNO will defend the rights of the Malays") while having more justifications why their friends and families were awarded government contracts ("the goal is to have more Malays in business anyway").

It is up the Malays themselves to break this bad drug habit. If not the country will soon be drained dry and hollow out. The painful day of collapse will come when UMNO can no longer support the handouts while supporting the lavish lifestyle of its leaders. Then people will then have to face reality. Learn to catch the fish instead of being fed.

6.  [Log in to Reply](#) **zulu** [Nov 16,2016 11:05 AM](#)

Najis, the bukaneeer of Malaysia will resort to racial riots as his last choice using their dogs called Red Shirts. Most of these Red Shirts look like drug addicts that rest under the bridges and comes out for food packets.

Now govt. hospital charges increased.
1 US Dollar equals 4.34 Malaysian Ringgit.

Oh Malaysia...the crook and his family need to be chased out for your future, else you become poorer than Myanmar in few years ahead.

7.  [Log in to Reply](#) **Hang Jebat Derhaka** [Nov 16,2016 10:36 AM](#)

Assalamualaikum,

Sebenarnya terlalu bahaya apa yang dilakukan oleh DS Najib terhadap pentadbiran negara kita.

Jika kita faham, kerajaan merangkumi setiap peranan yang ada dalam sistem sesebuah negara. Ini termasuk lah rakyat dan juga pembangkang.

Peranan pembangkang adalah diperlukan untuk menghasilkan semakan timbangtara (check and balance) terhadap tatacara pentadbiran oleh pemerintah. Rakyat pula adalah maksud utama dalam penubuhan sebuah kerajaan.

Kerajaan bukan ditubuhkan untuk keuntungan pihak pemerintah dimana rakyat dijadikan hamba kepada pemerintah manakala pembangkang menjadi musuh ketat.

Sebagai contoh, pemerintah sekarang (BN) telah menandatangani akta hasutan dan melancarkan akta rahsia resmi. Dengan ini pembangkang tidak boleh bersuara samada menggunakan fakta tidak resmi (hasutan) ataupun fakta resmi seperti laporan audit negara (akta rahsia resmi).

Cuba bayangkan jika BN yang akan jadi pembangkang kelak. Mulut mereka akan ditutup akibat perbuatan mereka sendiri. Mungkin kita boleh merasa puas atas balasan kebodohan mereka sendiri, tetapi apakah artinya jika perjalanan sesebuah kerajaan yang autokratik mengundang derita terhadap nasib rakyat jelata.

Puak BN berhujah bahawa tindakan yang mereka lakukan adalah untuk menghalang pembangkang menjatuhkan kerajaan. Walhal pembangkang juga adalah termasuk dalam sistem sebuah kerajaan. Paling teruk kalau dikemudian hari, peranan pembangkang dihapuskan dalam Parlimen. Maka bermaharajalelah lah sesiapa yang memerintah dan merosot lah keadaan rakyat jelata.

Rakyat bukannya mahu menyembah sesiapa selain Allah. Mungkin sebahagian rakyat masih lagi dengan mentaliti ketaksuban parti atau personaliti pemimpin masing2. Tetapi secara akademiknya rakyat yang sedar akan memerlukan sebuah sistem yang dapat menjamin kesejahteraan nasib mereka tidak kira siapa yang memerintah BN ataupun PR. Jika sistem telah dicatatkan oleh BN, maka tidak mustahil PR pula akan bermaharajalelah suatu hari nanti.

Dan yang paling bahaya adalah pertembungan baju merah dan kuning, kalau kita amat-amati ianya terlalu mirip dengan semua trend yang ada iaitu 'Arab Spring' dan 'Asian Summer'. Maka Malaysia mungkin tidak terkecuali akan menyaksikan pertumpahan darah yang amat besar suatu hari nanti.

Mudah2an Allah memberi petunjuk kepada kita semua.

8.  [Log in to Reply sibotak](#) Nov 16, 2016 3:00 AM

UMNO will not last under Najib
Those now needs Najib will fade away with Najib
Time is a year away
Feeding the people with hope of giving BRIM
Taken out from the Taxes you people gives
Is a minus after the plus they taken away from you

And along Najib advantage it for his persona
Nothing mch for UMNO
I did not see UMNO any Richer this Days
I see Najib & Family is having a Luxurious Lifstyles
And you the UMNO fools are still the old Fools

You must Dare to make the Changes

9.  [Log in to Reply adelheid](#) Nov 16, 2016 12:06 AM

Dear Tun,

Baju Merah purposely formed by UMNO slaves to create chaos and fear among races. It wants to create a situation of 'rusuhan akibat pergaduhan kaum' when in actual fact there is none such situation. If Baju Merah succeeds in its mission that will give way to MO1 to declare emergency. This is their ultimate goal to retain control and power. Kasi gaduh bangsa-bangsa so moron MO1 and UMNO could maneuver and be in control for as long it takes.

BERSIH and all other thinking Malaysians must be aware of this dramatized act of the UMNO Baju Merah. Do not dance to their tunes. If BERSIH allows itself to dance to Baju Merah's tunes Baju Merah will succeed in its mission.

Goodnight Tun, have a good nights's rest.

10.  [Log in to Reply HouseWife](#) Nov 16, 2016 12:05 AM

Assalamualaikum Tun,

Yele MelayuUmno bila lagi, jangan tunggu lama2, fikir lama2 nanti duit negara habis dikebas orang.

Tun, apa pula drama di Australia ni? Si arul, JASA dan ministry of keruak buat apa di universiti2 Australia? Ada secret mission ka? Why the closed-door lectures and Australian reporters disallowed from entering and reporting? Nak menagih support pelajar2 dan penduduk2 Malaysia di Australia ka? Mereka berkuasa sangat ka disana sampai boleh edar pamphlet entitled "DOJ's summons is questionable", ie to cast doubt that DSN is not MO1. That this DOJ's ploy is to divert the American voters' attention from hillary clinton's e-mail scandal. Sampai to that extreme they would go to save their Ketua "Cash is King".

Tun mesti tahu apa yang mereka cerita kat Australia sana. Pelajar2 sana mesti cerdas fikir apa yang betul apa yang tipu. Tun ada wakil nak counter-attack ka?

Tun, mereka guna segala jentera kerajaan yang ada untuk kepentingan diri sendiri, untuk survival.

Tun, apa pula drama dia buat di Jepun. Intebiu dengan Japanese weekly, MO1@DSN cakap he was the first to instruct multiple investigations into 1MDB. Yeke? Wasn't he who asked to shut down all investigations into 1MDB? Kalau PM Jepun buat lagu dia habis la. Diberi peluang berhujah, berdebat, berforum dia lari macam di Nothing2Hide. Nun jauh di rantau orang berani pula dia, semuanya dah set up, soalan2 dan jawapan2. Dia nak berdrama dengan orang jepun pula.

Tun, bila kacau bilau 1MDB ini terjadi? As far as I know the mess got messy when someone said he saw dengan kepala mata dia sendiri duit dalam bentuk cash dalam bank di Singapore, then someone retracted in Parliament and said no no it's in units. That was supposed to be money brought back from the caymen islands, right Tun. Berbelit2 cerita. Timbul pula cerita duit konon pak arab derma RM2.6billion masuk dalam akaun peribadi, mula2 tak ngaku ambil lepas tu ngaku pula. Berbelit2 cerita lagi. Duit tabung2 rakyat diseleweng keluar salur kepada 1MDB untuk buat bisnes konon untuk


menambahbaik ekonomi negara dan rakyat tapi buat lagu lain, disalahguna oleh kerabat2 dia untuk belanja kemewahan dalam luar negara. Duit berbillion pun hilang. Berbelit2 cerita tak kesudah.

Macam mana nak cerita bagi orang kampung faham ni. Yang mereka mesti faham, pemimpin yang mereka sanjung tidak berlaku jujur dan amanah dan salahguna kuasa, kos sarahidup semakin meningkat naik, harga naik sebab gst, etc tetapi kehidupan pemimpin2 negara yang dipilih semakin hari semakin mewah dan senang. Sebab apa? Sebab penyaluran dana yang tidak saksama dan adil, pilih kasih dan korupsi.

Sekarang Tun jadi pilihan lawan mereka. Mereka rasa Tun masih berkuasa dan ada taring so mereka nak kendur kuasa Tun, mereka hantar tentera2 putar belit dan putar alam supaya nampak Tun lah yang nak roboh dan pecah-belah negara. Dari awal dah dijangka Tun will be their main target. Tapi nampaknya mereka tersilap target, mereka buat Tun lagi terkenal dan lagi kuat dengan tertubuhnya PPBM. Siapa bilang orang tua 91 tahun tidak menawan. Thank You Allah for Tun. HIDUP BERSATU!

Tun, I can understand the key function of the trojen horse here, simply to manipulate, 'tambat' hati dan main2 minda to turn away from Tun. But this Reds ketua gangster, his act of bullying and policing is getting rowdy and dirty. Is bullying and policing his new full time job now, he's not in the ikan bakar business anymore? Is he allowed to get away? Bila lagi nak kurung budak bully ni, nak tunggu trajedi terjadi ka. Baik igp bertindak cepat sebelum terlewat. This person is not to be trusted, he'll do anything to grab his big boss's attention, nanti dapat habuan banyak lagi. Hope he realizes that he needs to stay still, be in peace not say a word or do anything stupid. This is one good food for the soul.

May Allah Bless and protect you and family. May Allah grant you great wealth in health, knowledge and happiness. Please take extra care of your safety and follow doctor's orders ya Tun. Thank you Tun.

11.  [Log in to Reply musato](#) [Nov 15, 2016 11:01 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Orang UMNO kata 'gila talak'.

Saya memang baca kitab lama. Kitab Syeikh Abdul Qadir Al Jailani dah berusia lebih dari 900 tahun.

Saya juga baca Kitab Hikam oleh Ibnu Athaillah yang dikatakan diterjemahkan oleh Syeikh Abdul Malek (Tok Pulau Manis) ke alam Melayu dan masih disyarahkan di pondok pondok.

Kitab ini adalah berkenaan tasawuf. Bagaimana saya menuju ke arah ini? Saya fikir ia adalah sebab turun temurun.

Saya akan buka kitab kitab ini apabila memerlukan nasihat dan panduan. Semoga Allah swt merahmati kekasihNya yang tidak 'mati'.

Tun kata PPBM ada 7 pengasas. Tapi sebenarnya idea ke arah wujudnya kebergantungan ini datang dari saya.

Kita kini berada di 'Alunan Politik'. Dan kita lihat ia semakin berkembang pantas.

Ini sesuatu perkara yang tidak pernah saya dapat ulas ketika peristiwa sedang berlangsung seperti mana ketika isu PM ke 5. Alhamdulillah di saat ini ulasan dan pendapat dapat saya utarakan dengan lebih terbuka.

Maaf jika ada salah silap. Saya memang tidak suka memperjudikan Rakyat. Tapi kalau ke jalan Fisabillah (yang memaksa perang), InsyaAllah.

Ia adalah perkara yang berkaitan sebelum saya bersetuju dengan Tun berkenaan menyebarkan salahlaku 1MDB kepada rakyat Malaysia.

Saya perlu menegaskan tentang ketidakselesaian saya pada Tun. Saya tidak suka mempergunakan rakyat.

Untuk membuktikan apa yang saya tulis adalah benar atau tidak, jika taipan ini dapat dibaca maka ia adalah seperti yang tercatat.

Terima kasih Tun.



12. [Log in to Reply Sharudin Jamal](#) Nov 15, 2016 10:59 PM

Hi Che Det,

My fellow United States of Netizens (USN) would like to welcome you to Year 17 of the Cyborg War. If you have not used Google DNS, please do so... That way you are in good hands. Insyaallah. Same with

your handphone and tablet

<http://sharudinjamal.blogspot.my/2016/11/note-from-ground-zero.html>

Luv ya,

Che Din



13. [Log in to Reply adelheid](#) Nov 15, 2016 7:46 PM

Dear Tun,

Be strong and ignore all the crap that are being rained against you by pemimpin UMNO. They are aware of what the pencuri, perompak, penyamun, penyangak has done but they have chosen to side by the thief because he is their source of convenience and wealth while they are his lifeline to cling on to power and save himself from the law.


Don't give a damn about what the moron MO1 said about you and uncle Lim Kit Siang, DAP. MO1 and his UMNO are afraid of the tie you made with LKS and DAP, PKR, AMANAH. You know Tun, tidak semua orang hatinya buruk dan busuk seperti MO1 dan UMNO, bongkak sombong dan angkuh. Let time tell.

Move on don't hesitate with what you believe is right. Don't let confusion and fear kill our spirits. Remember that the truth will prevail. It is only a matter of time.

Take care dear Tun Mahathir.

14.  [Log in to Reply](#) **faridina** [Nov 15, 2016 7:12 PM](#)

Pembetulan 60 BILLION untuk keretapi duit berkuasa tinggi!

15.  [Log in to Reply](#) **zulu** [Nov 15, 2016 7:08 PM](#)

It's laughable to see MP's were called to police station for speaking in parliament. What kind of constitution Malaysia having?!!...now the crook Najis and his family is using the govt. machinaries like anything...LOL

16.  [Log in to Reply](#) **faridina** [Nov 15, 2016 6:56 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

BIARLAH RABUN ASALKAN JANGAN BUTA DEK DEDAK

Hari ini memang jelas ada orang suka berbohong ikut resmi tuannya ialah mana mungkin ada puak keeper sebelah sana mahu bersimpati atau bersedih dengan ayahanda Tun.

Yang pasti dalam dialek utara ada perkataan SERIAU dalam loghat Kedah 'Segheyau' dalam bahasa TAKUT/NGERI atau kecut tel*q!

Depa sebenaq2nya cukup takut dengan kebangkitan ayahanda Tun tapi cuba nak mengada2 nak twist around, rasanya lebih baik hangpa menari twist dengan bapa klepet tu yang dah sah2 viral persembahan mantap 5 tahi bintangnya.

Ok beliau layak jadi peserta untuk masuk Akademi Klepet mewakili Malaysia!

Tun M usah dikisahkan sebab selalu mengumbirakan kami dalam kesedihan yang sedand ditindas rejim Najis.

Soalnya..

MANA TUAN NAJIS ?

Cari pasal hutang lagi apa?

50 BILLION pulak dengan JEPUN!

Keretapi duit berkuasa tinggi Singapura – KL..

Jom berkumpul bantah hutang rekaan bernajis sudah jadi 200 billion dalam sekelip mata.

Huhuhu.. menangis untuk anak cucu cicit kita semua..

Wasalam Tun.

17.  [Log in to Reply](#) **zulu** Nov 15, 2016 1:15 PM

If "Nik Abduh Nik Aziz" of PAS still want to talk about past things, then it's considered he doesn't worry about Malaysia's future.

He should forgot past things and support opposition to save the country from the family of bandits.

18.  [Log in to Reply](#) **master** Nov 15, 2016 1:03 PM

ASSALAMUALAIKUM WBT, YANG DIMULIAKAN AYAHANDA TUN SERTA KERABAT SEMUANYA. Good Day.

PENJAWAT AWAM RASUAH, ROMPAK, SONGLAP DUIT RAKYAT UUNTUK HIDUP MEWAH. TIDAK TAHU MALU!

a. Jikalau tidak mampu buatlah cara tidak mampu. Usahlah berbelanja lebih daripada kemampuan.

b. Tidak usahlah juga kita mahu memuaskan hati orang lain untuk menunjukkan kepada orang lain yang anda sedang hidup sennag lenang dengan perbelanjaan itu dan ini, melancong ke sana dan kemari. Sedangkan realitinya anda hidup mewah dengan berhutang.

c. Berpijaklah di bumi yang nyata, jatuh bangun anda dikemudian hari mereka-mereka ini yang sering memuji pakaian, kereta, beg tangan, jam mewah, percutian anda di Facebook tidak akan memperdulikan anda dikala anda dalam kesusahan.

d. Ada...

– Penjawat Awam Rasuah: Biar Rakyat Susah Tapi Hidup Sendiri Senang

– Penjawat awam biasa – hidup mewah dengan personal loan

– Penjawat awam gred atas – hidup mewah dengan kuasa dan rasuah

e. Pedulikan mereka, hidup di atas kemampuan sendiri. Tetapi, bukan semua penjawat awam begitu. Ada yang bijak menguruskan kewangan tetapi kebanyakan tinjauan Berita Semasa memperlihatkan ramai yang lebih gemar berhutang untuk menaikkan prestij masing-masing.

f. Bertambah teruk lagi apabila mereka songlap duit rakyat dan menyalahgunakan dana yang ada untuk kepentingan diri dan keluarga sendiri.

g. Dikala ramai rakyat marhaen perlukan bantuan dan tempat berpauh, kamu senang-senang rompak, curi, songlap hak mereka semua. Apa tak malukah kamu? Mereka-mereka inilah yang telah memberikan persepsi yang tidak baik kepada kumpulan penjawat awam.

h. Gaji kakitangan awam yang diberikan cukup untuk anda hidup berserdahana.

P/S : Tetapi itulah, kadang-kadang yang di atas, sendiri 'bengkok' dan 'tidak betul' buat-buat terkejut apabila anak buah sendiri kena tangkap rasuah. Cuma tidak kena tangkap sahaja. Tunggu masa dan ketikanya.

PP/S: Tahniah SPRM berjaya buat tangkap rasuah terbesar di Malaysia. Anak murid dah tertangkap,

selepas ini boleh tangkap pula 'tok gurunya' pula

PP/S: Selari dengan ketegasan Tan Sri Ali Hamsa, suka untuk diulangi penjawat awam di Putrajaya dan kakitangan kerajaan negeri juga jikalau ada bukti rasuah dikalangan bos dan pengarah anda sila laporkan sahaja kepada SPRM juga berpandukan ketua yang sebegitu rupa.....?

sumber



19. [Log in to Reply](#) **master** Nov 15, 2016 1:01 PM

ASSALAMUALAIKUM WBT, YANG DIMULIAKAN AYAHANDA TUN SERTA KERABAT SEMUANYA. Good Day.

KENAIKAN HARGA MAKANAN MALAYSIA NAIK VS HARGA DUNIA TURUN? PAKAR PENYELIDIK EKONOMI PELIK!

- a. Sekarang ini boleh dikatakan inflasi di Malaysia berada diparas yang rendah. Siapa yang kata?
- b. Pakar penyelidik ekonomi yang kata. Tetapi angka ini ada bersebab. Inflasi Malaysia berada pada angka yang rendah ada disebabkan permintaan yang lemah dan kos pengangkutan di Malaysia yang menunjukkan kos menurun.
- c. Ini adalah disebabkan yang kita sudah sedia maklum di mana sekarang ini harga minyak dunia masih lagi berada diparas yang rendah sekaligus mempengaruhi tawaran harga minyak di Malaysia. Tetapi...
- d. Tetapi jikalau kita buang kategori pengangkutan dalam mengunjurkan inflasi di Malaysia sebenarnya inflasi negara Malaysia adalah diparas yang tinggi iaitu 4.6 peratus.
- e. Pada Mac 2016 telah pun dicatatkan inflasi di Malaysia paling tinggi sejak tahun 2009. Jadi apa yang menyebabkan kenaikan inflasi Malaysia? Sebenarnya sekarang ini kenaikan harga makanan Malaysia naik adalah penyumbang terbesar kepada lonjakan inflasi.
- f. Apa mesej yang ingin disampaikan di sini? Ini menunjukkan inflasi harga makanan di Malaysia sangat-sangat tinggi lonjakkannya.
- g. Untuk kategori makanan terbahagi kepada tiga. Iaitu daging, ikan dan hidupan laut dan juga produk tenusu. Untuk harga produk tenusu, pakar penyelidik tersebut pun sendiri pelik dan hairan. Mengapa?
- h. Ini kerana kajian dan semakan harga makanan di dunia bagi produk tenusu menunjukkan trend menurun sekarang ini bagi 3 tahun terakhir. Faktanya, Malaysia import hampir 90 peratus produk tenusu. Tetapi realitinya di Malaysia produk tenusu terus melonjak naik dari masa ke semasa. Pelik bukan?
- i. Mungkin ada yang mengatakan lonjakan ini adalah disebabkan harga produk tenusu di Australia dan New Zealand yang meningkat. Jawapan dari pakar penyelidik tersebut, tidak sama sekali. Harga di Australia dan New Zealand juga menurun pada ketika ini.

P/S: Faktanya 9 daripada 10 perbelanjaan rakyat Malaysia adalah untuk makanan berbanding produk dan barangan lain. Ini memberikan kesan besar kepada perbelanjaan boleh guna rakyat Malaysia melihatkan kenaikan harga makanan naik di Malaysia. Apa respon anda pula?

sumber

20.  [Log in to Reply master](#) Nov 15, 2016 12:57 PM

SENARAI MENTERI MALAYSIA 2016: UK, USA, JEPUN, CHINA, INDIA KALAH DENGAN MALAYSIA!

- a. Pelik! Tidak padan dengan jumlah rakyat Malaysia yang hanya berjumlah 30 juta
- b. Nisbah rakyat Malaysia dengan senarai menteri Malaysia jauh meninggalkan negara besar dunia dan negara maju yang lain seperti China, India, Britain, Jepun, Amerika Syarikat USA.
- c. Untuk apa? Ada menteri kabinet yang menjadi santapan ketawa rakyat Malaysia. Ada menteri yang rela dijadikan bahan tohmahan dan kemarahan rakyat Malaysia.
- d. Macam-macam perangai yang ada. Tidak padan dengan kemudahan, elaun, wang ringgit yang Rakyat Malaysia laburkan untuk mereka.
- e. Sepatutnya dalam keadaan hari ini, dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang tidak menentu, kos sara hidup yang terus melambung tinggi, satu demi satu masalah yang tidak diselesaikan sehingga ke hari, ditambah dengan kenyataan menteri yang asalkan memberikan kenyataan, saiz senarai menteri Malaysia patut dirombak dan dikurangkan.
- f. Untuk apa dibela dan ditanggung mereka ini?
- g. Saiz dan Senarai Menteri Malaysia 2016 VS Impak Kepada Rakyat dan Malaysia? Rakyat diajak supaya menguruskan kewangan dan kehidupan dengan betul sedangkan yang di atas tidak menunjukkan contoh yang baik dalam perbelanjaan menguruskan kerajaan termasuk lebih gemar membesarkan saiz menteri kabinet Malaysia.
- h. Dengan saiz menteri kabinet Malaysia yang ada sekarang ini, Malaysia sudah pun mengatasi Singapore, Jepun, Korea Selatan? Tidak juga. Jadi apa hasil yang rakyat Malaysia perolehi dengan saiz menteri kabinet Malaysia yang ada sekarang ini?

P/S: Sudah ada JPJ, diwujudkan SPAD? Sudah ada Jabatan Pertanian Malaysia, ada pula FAMA, Peladang? Mengapa perlu begitu banyak agensi di Malaysia?

PP/S: Berdasarkan semakan, negara yang begitu banyak menteri ini kebanyakannya dari Benua Afrika yang terkenal dengan skandal dan penyelewengan.

sumber

21.  [Log in to Reply master](#) Nov 15, 2016 12:55 PM

ASSALAMUALAIKUM WBT, YANG DIMULIAKAN AYAHANDA TUN SERTA KERABAT SEMUANYA. Good Day.

PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 5-6% SETIAP TAHUN SEHINGGA 2020 TIDAK BERJAYA? PUNCA?

- a. Pertumbuhan ekonomi Malaysia berpandu kepada 2 kategori. Satu untuk jangka masa pendek dan satu lagi untuk jangka masa panjang, itu sebablah lahirnya Rancangan Malaysia ke 11 contohnya dan juga pembentangan Bajet 2017. Pembentangan Bajet 2017 adalah bajet kedua untuk Rancangan Malaysia ke 11.
- b. Berdasarkan unjuran RMK 11, pertumbuhan ekonomi Malaysia akan berada di paras secara purata antara 5 hingga 6 peratus setiap tahun sehingga 2020. Boleh dicapai atau tidak?
- c. Menurut seorang pakar penyelidik ekonomi, mengatakan yang Malaysia tidak akan dapat pertumbuhan ekonomi sebegitu rupa.
- d. Realitinya, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun lepas adalah 5 peratus. Manakala pada tahun ini dijangka hanya berada pada paras 4.1 peratus sahaja. Semakin menurun. Jadi setiap apa yang terjadi pasti akan ada sebab dan punca bukan?
- e. Punca Pertumbuhan Ekonomi Melemah dan Mencabar Selepas Ini? Ini semua disebabkan beberapa faktor. faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran tidak berapa baik kepada Malaysia hari ini. Ini diakui Bank Negara Malaysia.
- f. Eksport negara Malaysia tidak berapa baik disebabkan rakan dagangan kita seperti:
 - China lemah pada ketika ini
 - Amerika sedikit lebih baik
 - Eropah juga lemah
 - Jepun juga tidak berapa baik sekarang
- g. Bagaimana pula dengan faktor dalaman (domestik) yang mana dikongsiikan oleh “private side” termasuk syarikat swasta dan anda semua di sini.
- h. Menurut pakar penyelidik ekonomi tersebut, di pihak swasta masih lagi ok, tetapi... tetapi ada hadnya. Ini kerana anda semua terlalu banyak hutang sekarang ini merujuk kepada trend hutang isi rumah di Malaysia terlalu tinggi. Hampir 90 peratus banyak.
- i. Jadi tidak banyak ruang untuk melakukan pinjaman untuk berbelanja dan meningkatkan lagi permintaan domestik. Dan ini telah memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia pada ketika ini.
- j. Manakala di pihak kerajaan Malaysia pula sama trendnya, hutang Malaysia juga terlalu banyak.
- k. Atas sebab itulah pakar penyelidik ekonomi tersebut menegaskan yang pertumbuhan ekonomi sepertimana dirancang dan diunjurkan dalam Rancangan Malaysia ke 11 termasuk indikator-indikator yang lain untuk dicapai “SANGAT MENCABAR”!

sumber

ASSALAMUALAIKUM WBT, YANG DIMULIAKAN AYAHANDA TUN SERTA KERABAT SEMUANYA. Good Day.

BERITA TERKINI WSJ, MALAYSIA NAJIB RAZAK SEMAKIN POPULAR. IMEJ MALAYSIA TERCALAR, APA TINDAKAN KERAJAAN MALAYSIA?

- a. Bukanlah bermakna apa sahaja yang keluar daripada laporan berita mana2 akhbar dan portal adalah betul dan benar. Dan bukan bermakna apa sahaja kenyataan media yang dilaporkan adalah benar-benar belaka.
- b. Tetapi semacam ada sesuatu yang tidak kena sekarang membelenggu negara terutama kepada Perdana Menteri Malaysia kita, Datuk Seri Najib Razak. Ada sahaja imej buruk yang dilemparkan terhadapnya.
- c. Satu demi satu akhbar-akhbar yang cukup berpengaruh di seluruh dunia terus melaporkan berita terkini Najib Razak disebalik isu RM2.6 bilion yang masih belum nampak kesudahannya walaupun Peguam negara kata tiada kes, dalam erti kata lain tiada kes jenayah untuk Najib Razak.
- d. Hakikatnya nama Malaysia terus gah dan mekar di seluruh dunia. Seluruh dunia bercakap mengenai isu ini. Sebut sahaja baik laporan berita terkini Wall Street Journal, Ney York Times, The Economist, Bloomberg, CNBC dan sebagainya.
- e. Malah Wall Street Journal WSJ Malaysia berbesar hati dan berlapang dada memuatkan laporan berita terhadap Najib Razak mengenai isu RM2.6 bilion di muka hadapan akhbar perniagaan mereka. Ini bermakna kalangan tokoh politik, ahli perniagaan, pelabur, taikun kaya termasuk, rakyat marhaen di luar negara "sudah hadam" dengan laporan berita mereka mengenai isu ini.
- f. Tetapi sampai bila? Apa tindakan daripada pihak kerajaan Malaysia? Berpeluk tubuh? Hanya menidakkan dengan hanya sangkaan jahat, fitnah, ada niat jahat dan sebagainya? Sebegitu mudah mempertahankan maruah negara Malaysia jikalau diyakini dikalangan pemimpin politik dan pemimpin negara bahawa terdapat kekuatan kebenaran untuk menidakkan dakwaan demi dakwaan yang dicampak ke bumi Malaysia sekarang ini?

P/S: Ayuh tunjukkan bukti dokumen yang dakwaan berita WSJ Malaysia adalah tidak benar dan tidak berasas. Segerakan bersih nama Malaysia yang terus tercalar hari ini.

sumber



23. [Log in to Reply](#) **khazi** Nov 15, 2016 12:06 PM

Assalamualaikum

